



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Kementerian Pertahanan Malaysia
Blok B, Bangunan Zetro, Jalan 9/27C
Seksyen 5, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Telefon : (60)3-40133631

Portal Rasmi : jlkn.mod.gov.my

E-mel : info.jlkn@mod.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Rujukan kami : JLKN.100-9/1/4 (50)

Tarikh : 15 Mei 2025

SIARAN MEDIA

ARAHAN WAJIB MELAPOR DIRI KEPADA PELATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) 3.0 SIRI 2/2025

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) ingin memaklumkan kepada semua individu yang telah **terpilih** sebagai pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 Sesi 2/2025, agar melapor diri di kem PLKN **pada atau sebelum 16 Mei 2025 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari** seperti mana yang telah ditetapkan mengikut surat panggilan rasmi.

JLKN juga ingin menegaskan bahawa kehadiran pelatih yang terpilih adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk melapor diri tanpa alasan yang munasabah atau tanpa pembuktian masalah kesihatan yang disahkan oleh pakar perubatan akan dianggap sebagai **ingkar arahan** dan boleh dikenakan **tindakan undang-undang** di bawah peruntukan sedia ada Seksyen **18(1)**, **Akta Latihan Khidmat Negara**, yang memperuntukkan bahawa:

"Mana-mana orang yang tidak menghadirkan dirinya bagi latihan khidmat negara seperti yang dikehendaki [...] melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

Sebarang usaha oleh pihak lain untuk menghasut atau memujuk mana-mana pelatih agar tidak hadir tanpa kebenaran juga merupakan suatu kesalahan yang serius mengikut **Seksyen 19(2)**. Jabatan ini menyeru semua yang terlibat agar memberikan kerjasama sepenuhnya demi kelancaran pelaksanaan program serta pembangunan jati diri generasi muda Negara.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan, sila hubungi talian rasmi **Unit Pelatih, Bahagian Pengurusan Latihan JLKN** di talian, **019-310 1090 (Mej. Muhammad Saufi Hasan)**, **019-333 2467 (Lt. Muhammad Farish Syahmi Zamri (TLDM))** dan **014-234 5989 (Kapt. Muhammad Hatta Mohd Khalid)** atau layari laman web rasmi di <https://jlkn.mod.gov.my>.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"